

TERMS OF REFERENCE (TOR)

PERKHIDMATAN PELAKSANAAN SIRI LATIHAN READINESS ASSESSMENT INDUSTRY4WRD (RA) UNTUK PENILAI (BAHARU & SEDIA ADA) UNTUK PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TAHUN 2021

1. Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada tawaran perkhidmatan di atas. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ingin menawarkan perkhidmatan tersebut kepada **SIRIM BERHAD** dengan jumlah harga keseluruhan sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Dua Ribu**.

2. Jadual pembayaran bagi keperluan siri latihan mengikut Fasa adalah seperti berikut:

Fasa	Keperluan Latihan	Kadar Bayaran	Hari	Jumlah Bayaran
1	1. <u>Sesi Latihan 1 & 2</u> - Re-Alignment RA Assessor (Senior Assessor) – Batch 1 - Re-Alignment RA Assessor (Senior Assessor) – Batch 2	RM300 x 3 jam @ 2 sesi	4 Hari	RM7,200
	2. Dokumentasi	RM1,000 @ 4 Fasa		RM4,000
	3. Sesi Mendapat Nasihat (Atas Talian)	RM400 @ 4 jam		RM1,600
2	<u>Sesi Latihan 3 & 4</u> 1. Kriteria RA – Manufacturing Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 1 (4 Days) 2. Kriteria RA – MRS Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 1 (2Days)	RM300 x 4 jam	6 Hari	RM7,200
3	<u>Sesi Latihan 5 & 6:</u> 1. Kriteria RA – Manufacturing Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 2 (4Days) 2. Kriteria RA – MRS Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 2 (2 Days)	RM300 x 4 jam	6 Hari	RM7,200
4	<u>Sesi Latihan 7 & 8:</u> - Sesi Tandaaras AB Baharu bersama AB Senior – Batch 1 - Sesi Tandaaras AB Baharu bersama AB Senior – Batch 2	RM300 x 2 jam @ 2 sesi	4 Hari	RM4,800
	<u>JUMLAH KESELURUHAN</u>			RM32,000

Setelah pesanan / arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak untuk membatalkan pesanan / arahan yang dikeluarkan.

3. Syarikat adalah sentiasa diingatkan untuk mengikut peraturan dan etika berikut:

- i. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem
- ii. Bersetuju untuk menjalankan keseluruhan latihan sehingga TAMAT
- iii. Kadar bayaran untuk penyedia latihan ialah RM300 sejam bagi setiap program.
- iv. Bayaran akan dibuat mengikut Fasa program yang telah selesai sepenuhnya.
- v. Tenaga pengajar yang dilantik perlu mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman dalam mengendalikan latihan iaitu:
 - a. Minimum Sijil Kemahiran / Diploma / Sarjana Muda/ Sarjana / PhD dan Kelayakan Berkaitan dan
 - b. Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun dan ke atas.
- vi. Menyediakan nota/manual kursus yang akan digunakan untuk sepanjang program
- vii. Tidak membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- viii. Tidak membenarkan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat digunakan disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- ix. Tidak terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses surat ini ditandatangani;
- x. Tidak memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya terhadap perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- xi. Mematuhi mana-mana terma/arahan dalam dokumen sebut harga/ tender;
- xii. Mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*

4. Sekiranya berlaku pembatalan terhadap pesanan / arahan yang dikeluarkan, pihak MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian oleh syarikat termasuk kerugian pada masa hadapan.

5. Bersama-sama ini disertakan Pengakuan Penerimaan Surat Setuju Terima Dan Lampiran Yang Berkaitan oleh Syarikat/Individu untuk tindakan.

Sekian, Terima Kasih.